

RM1 juta untuk pengimbas Lidar

► Usaha UMS bantu kerajaan kenal pasti anggaran karbon di Sabah

Oleh SURAIDAH ROSLAN

UB 25.5.2016 A2
KOTA KINABALU: Dalam usaha membantu menangani masalah perubahan iklim, Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengambil pendekatan menjalankan imbasan laser di seluruh Sabah untuk menganggarkan stok karbon yang terdapat di negeri ini.

Pensyarah Kanan Fakulti Sains & Sumber Alam (FSSA) UMS Prof Madya Dr Phua Mui How (*gambar*) berkata, mereka baharu sahaja selesai menjalankan imbasan laser di seluruh negeri menggunakan Sistem Lidar (Light Detection & Ranging) dengan kerjasama Institut Carnegie, Amerika Syarikat. Bagaimanapun, keputusannya masih belum diperolehi kerana ia masih dalam proses.

Usaha itu dilakukan bagi membantu Kerajaan Negeri mengkaji anggaran stok karbon yang ada di negeri ini bagi memudahkan proses 'carbon credit money' dengan Negara Bangsa-Bangsa Bersatu (UN).



Melalui proses pertukaran kredit itu, sebanyak mana karbon yang dipelihara, UN akan memberi bantuan kewangan untuk konservasi berdasarkan jumlah karbon yang dipelihara oleh sesebuah negara.

Beliau berkata, dalam memastikan anggaran karbon dapat dikira dengan lebih tepat, UMS memainkan peranan mengenal pasti teknologi bersesuaian untuk menganggarkan jumlah karbon yang ada di hutan-hutan simpan di negeri ini.

Atas sebab itu, UMS mengambil keputusan mendapatkan sistem pengimbas laser Lidar yang berharga RM1 juta. Untuk kos operasi yang terlibat untuk menggunakan pengimbas itu adalah kira-kira RM100,000 untuk kawasan seluas 6,000 hektar.

Walaupun ia dilihat melibatkan kos yang agak tinggi namun, kemudahan itu memberi manfaat kepada industri perhutanan secara keseluruhannya.

Beliau berkata, kemudahan itu bukan hanya memberi manfaat kepada kerajaan untuk mengetahui stok karbon, sebaliknya, ia turut diperlukan oleh industri.

Pemegang Kerusi Perhutanan Kelvin Tan Aik Pen ini berkata, pihak industri memerlukan sistem Lidar bagi mengetahui topografi serta ketinggian pokok di kawasan perhutanan mereka.

Imbasan laser juga turut membantu mengurangkan kos persediaan kepada industri untuk mengenal pasti kawasan yang perlu penanaman anak benih pokok.